



BRUNEI DARUSSALAM AIDS COUNCIL

c/o Unit 17, Block E, Simpang 100,
Kampung Sengkurong, Jalan Jerudong,
Negara Brunei Darussalam BG3122.
<http://www.bdaids council.org>

Mesej Hari AIDS Sedunia 2020 (Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam): “Perpaduan Sejagat, Tanggungjawab Bersama”

2020 merupakan tahun yang belum pernah terjadi sebelumnya dengan tumpuan dunia ditujukan banyaknya pada pandemik COVID-19

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai jangkitan COVID-19 di peringkat komuniti selama lebih 7 bulan. Ini dapat dicapai kerana tindak balas yang pantas dan tegas dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui koordinasi padu dari Kementerian Kesihatan.

Sebahagian dari strategi ini termasuk penggunaan pengujian COVID-19 yang luas untuk mengesan COVID-19 lebih awal sehingga intervensi awal dapat dilakukan untuk membatasi



BRUNEI DARUSSALAM AIDS COUNCIL

c/o Unit 17, Block E, Simpang 100,
Kampung Sengkurong, Jalan Jerudong,
Negara Brunei Darussalam BG3122.
<http://www.bdaids council.org>

penyebarannya. Walaupun berbeza dalam banyak hal, pengesanan awal HIV melalui ujian, juga merupakan komponen penting bagi tindak balas terhadap wabak HIV. Ujian HIV awal membawa kepada diagnosis awal. Ini tidak hanya memastikan bahawa mereka yang telah dijangkiti HIV boleh diberi rawatan awal bagi memastikan mereka menjalani kehidupan seperti biasa; malahan rawatan awal juga membantu mencegah penularan penyakit selanjutnya. Orang yang dijangkiti HIV yang menjalani rawatan berterusan dan mempunyai *viral load* yang tidak dapat dikesan (undetectable) tidak akan dapat menjangkiti orang lain (untransmissible) (undetectable = untransmissible)

Berikutan dengan itu, menyedari bahawa kebanyakan kes yang telah dilaporkan di Brunei adalah pada lelaki, Majlis AIDS telah menganjurkan supaya warga lelaki di negara ini diberikan peluang untuk mendapatkan akses kepada ujian HIV tanpa diskriminasi.



BRUNEI DARUSSALAM AIDS COUNCIL

c/o Unit 17, Block E, Simpang 100,
Kampung Sengkurong, Jalan Jerudong,
Negara Brunei Darussalam BG3122.
<http://www.bdaids council.org>

Awal tahun ini, Majlis AIDS memperkenalkan program saringan yang bertujuan untuk mewujudkan tempat yang selamat untuk lelaki diuji dan memberikan ujian ini secara percuma sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mendorong lebih ramai lelaki untuk melakukan ujian saringan tersebut. Program ini telah menjalankan lebih daripada 100 ujian saringan dan memastikan bahawa sesiapa yang telah diuji positif akan terus dirujuk untuk mendapatkan rawatan pakar. Kejayaan program ini telah mendorong Majlis AIDS untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan akses ujian HIV secara sulit dan tidak diskriminatif. Bersempena Hari AIDS Sedunia 2020 tahun ini, Majlis AIDS dan Kementerian Kesihatan telah berkerjasama untuk mengedarkan sejumlah kecil alat ujian HIV cepat (*rapid HIV test kits*) kepada beberapa klinik swasta yang terlibat di seluruh negara. Alat ujian ini akan digunakan oleh klinik-klinik tersebut untuk menguji mana-mana pihak yang mungkin berisiko jangkitan HIV. Untuk bulan



BRUNEI DARUSSALAM AIDS COUNCIL

c/o Unit 17, Block E, Simpang 100,
Kampung Sengkurong, Jalan Jerudong,
Negara Brunei Darussalam BG3122.
<http://www.bdaids council.org>

Disember ini, klinik-klinik ini dengan sukarela memberikan perkhidmatan ini secara percuma dengan menggunakan alat ujian saringan tersebut. Klinik-klinik ini telah dilatih untuk menyediakan persekitaran terbuka (open environment) dan tidak menghakimi (non-judgemental) bagi mereka yang mahu menjalani ujian saringan HIV. Setentunya, ini dapat memberi alternatif bagi penyaringan jangkitan HIV, di samping ujian HIV yang terdapat di pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital kerajaan di seluruh negara.

Program intervensi seperti ujian HIV perlu lah juga digandingkan dengan pendidikan mengenai HIV & AIDS, dan di sinilah pendidikan kesihatan reproduktif dapat memberi sedikit sebanyak kesedaran mengenainya termasuklah pengetahuan mengenai jangkitan hubungan kelamin (*sexually transmitted infection*), keganasan berdasarkan jantina (*gender based violence*), hubungan yang sihat (*healthy relationships*),



BRUNEI DARUSSALAM AIDS COUNCIL

c/o Unit 17, Block E, Simpang 100,
Kampung Sengkurong, Jalan Jerudong,
Negara Brunei Darussalam BG3122.
<http://www.bdaids council.org>

keganasan dan menjaga keselamatan (*violence and staying safe*), serta lain-lain lagi nilai di dalam menjaga kesihatan diri.

Pihak Majlis AIDS juga berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terutama sekali Kementerian Kesihatan di atas sokongan, kerjasama serta bantuan di dalam bersama-sama menjalankan kerja advokasi HIV, penderma-penderma, penyokong dan rakan-rakan strategik baik dari syarikat-syarikat korporat, institusi-institusi pendidikan, pemimpin akar umbi, agensi media dan sukarelawan.

Ucapan terima kasih khas juga kepada sukarelawan dan ahli keluarga Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (BDAIDSCOUNCIL), termasuk belia-belia Majlis AIDS iaitu Kelab Penyinar, yang telah memberi sokongan, idea, usaha, masa dan malah sumbangan kewangan; untuk sama-sama



BRUNEI DARUSSALAM AIDS COUNCIL

c/o Unit 17, Block E, Simpang 100,
Kampung Sengkurong, Jalan Jerudong,
Negara Brunei Darussalam BG3122.
<http://www.bdaids council.org>

membantu masyarakat Brunei Darussalam di dalam HIV & AIDS.

- *Yang Berhormat Awang Iswandy Bin Ahmad,*
Yang Di-Pertua Majis AIDS Negara Brunei Darussalam